

Otak yang genius boleh dipupuk

DIPERSEMBAHKAN oleh Enfagrow A+, Ekspo Minda adalah program pendidikan pertama di Malaysia yang memberi fokus tentang membina kesedaran dalam menyediakan persekitaran dan pengetahuan tentang nutrisi yang optimum sebagai faktor penting untuk membentuk minda genius seorang kanak-kanak.

Kajian saintifik membuktikan minda genius boleh dibentuk kerana 80% daripada pertumbuhan dan perkembangan otak berlaku dalam 1,365 hari yang pertama dalam kehidupan, bermula di dalam rahim ibu dan berterusan sehingga usia 3 tahun. Ini menunjukkan betapa pentingnya mewujudkan pelbagai bentuk persekitaran pembelajaran untuk perkembangan mental yang optimum sepanjang tempoh penting ini.

Ekspo Minda merupakan satu taman penerokaan untuk menerokai otak manusia dan mengenali blok binaan otak untuk membentuk potensi kanak-kanak genius.

Memaparkan profil 4 manusia genius, termasuklah Allahyarham Tan Sri Datuk Amar Dr P Ramlee, yang dipilih berdasarkan sumbangan beliau dalam industri filem dan muzik, yang mana pengaruh artistiknya masih lagi segar hingga ke hari ini.

Turut dipaparkan ciri-ciri genius penyelidikan klinikal perkembangan kanak-kanak, iaitu visual penglihatan LEBIH TAJAM, kemahiran penyelesaian masalah LEBIH BAIK, perkembangan intelektual LEBIH TINGGI dan kemahiran bahasa LEBIH PANTAS.

Pelawat-pelawat dibimbing semasa penerokaan mereka oleh Brain Expo Ambassadors yang terdiri daripada penuntut dan staf di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM). Ketua dan Profesor di Jabatan Anatomi Manusia, Profesor Dr Fauziah Othman dan Pensyarah Kanan dan Koordinator, Muzium Anatomi Manusia, UPM, Dr Cheah Pike See.



Kanak-kanak dibawa melawat profil empat manusia genius.